

Belia p-hailing lebih bebas bekerja tetapi sunyi, kabur arah tuju hidup



Oleh Dzuhaillmi Dahalan
bhrencana@bh.com.my

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kerjaya sebagai penghantar makanan atau barangan atau lebih dikenali sebagai pekerja p-hailing semakin mendapat tempat dalam kalangan belia. Lonjakan penyertaan ini amat ketara khususnya di Lembah Klang, berikutan ledakan permintaan dalam sektor ekonomi gig selepas pandemik COVID-19.

Fleksibiliti masa bekerja dan peluang menjana pendapatan segera selain kebebasan menentukan kawasan operasi menjadi antara tarikan utama. Namun, di sebaliknya semua kelebihan ini, satu persoalan besar yang wajar diteliti adalah apakah kesejahteraan psikologi golongan belia p-hailing turut terjamin?

Satu kajian awal dijalankan sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap belia berumur antara 16 hingga 30 tahun yang bekerja sebagai p-hailing di Lembah Klang baru-baru ini.

Kajian ini menilai enam dimensi kesejahteraan psikologi berpandukan model Ryff, iaitu penerimaan diri, hubungan sosial, autonomi, penguasaan persekitaran, tujuan hidup dan kemajuan diri.

Hasil kajian mendapati tiga dimensi utama, iaitu penguasaan persekitaran, kemajuan diri dan autonomi berada pada tahap tinggi. Ini menggambarkan kebanyakan responden berasa mampu mengawal kehidupan mereka, memiliki kebebasan membuat keputusan serta sentiasa berusaha mem-

perbaiki diri.

Namun, tiga dimensi lain penerimaan diri, hubungan positif dengan orang lain dan tujuan hidup hanya berada pada tahap sederhana. Ini memberi gambaran wujudnya jurang antara kebebasan bekerja dengan kesejahteraan jiwa lebih mendalam.

Buka ruang pengalaman baharu

Dapatan itu turut menunjukkan pekerja p-hailing sepehuh masa mencatat tahap pemajuan diri yang lebih tinggi berbanding mereka yang bekerja secara sambilan. Ini berkemungkinan disebabkan keterlibatan lebih intensif dalam kerjaya, sekali gus membuka ruang untuk pengalaman dan pembangunan sendiri yang lebih besar.

Namun, dari aspek lain seperti hubungan sosial dan makna hidup, tiada perbezaan ketara antara dua kumpulan ini. Ini mungkin kerana sifat pekerjaan

p-hailing yang lebih bersifat individualistik, berorientasikan hasil serta dikawal oleh platform digital.

Ketiadaan struktur sokongan sosial kukuh, ketidakpastian pendapatan dan tekanan harian berkemungkinan memberi kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan psikologi golongan belia dalam kerjaya ini.

Fenomena 'kesunyian kerja' dan 'kekaburan hala tuju hidup' bukan lagi mitos, sebaliknya realiti yang semakin ketara dalam dunia ekonomi gig hari ini.

Oleh itu, pelbagai pihak berkepentingan seperti penyedia platform digital, kementerian dan agensi pembangunan belia perlu berganding bahu mewujudkan ekosistem kerja yang lebih seimbang. Inisiatif seperti program pembangunan diri, bimbingan psikologi, jaringan komuniti dan perlindungan sosial wajar diperkukuh.

Kerjaya p-hailing bukan sekadar soal mencari rezeki harian. Ia turut mencorakkan identiti dan kesejahteraan mental belia yang menceburinya.

Sekiranya dibiarkan tanpa intervensi wajar, terdapat kebimbangan untuk generasi muda yang terdapat terperangkap dalam kitaran pekerjaan fleksibel, namun memiliki kekosongan jiwa seperti kehilangan arah dari segi emosi dan makna kehidupan.

Sudah tiba masanya sektor ekonomi gig dilihat secara holistik, bukan sekadar sebagai ruang menjana pendapatan, tetapi juga menjadi medan pembangunan insan lebih seimbang dan lestari.

“ Kerjaya p-hailing bukan sekadar soal mencari rezeki harian. Ia turut mencorakkan identiti dan kesejahteraan mental belia yang menceburinya ”

“ Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH ”

Pegawai Penyelidik Kanan, Laboratori Kesejahteraan Belia dan Komuniti, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM)